

ZAKAT FITRAH ATAU ZAKAT BADANIAH

Ihsan: Pusat Zakat Sabah, MUIS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَرَضَ الصِّيَامَ وَزَكَاةَ الْفِطْرِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ وَجَعَلَ فِيهِ لَيْلَةً خَيْرًا
مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الَّذِي أَحْيَاهُ مِسْكِينًا وَأَمَاتَهُ مِسْكِينًا وَاحْشِرْهُ مَعَ
زُمْرَةِ الْمَسَاكِينِ، وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ
الْمُتَّقِينَ.

SIDANG JUMAAT YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA,

Terlebih dahulu khatib berwasiat kepada diri sendiri dan kaum muslimin sekalian agar sama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah SWT berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.” (Surah Ali Imran: 102)

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam kesempatan kali ini, khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk “ZAKAT FITRAH ATAU ZAKAT BADANIAH.”

Walaupun telah diketahui umum bahawa zakat adalah salah satu rukun Islam dan merupakan ibadah, tetapi sebenarnya lebih dari itu, zakat adalah satu sistem kehartan dan ekonomi yang menjamin keadilan sosial dan mengharmonisasikan sebuah masyarakat.

Zakat bukan saja menghalang pembekuan harta, malah menggalakkan harta kekayaan itu beredar di kalangan anggota masyarakat dalam persekitaran ekonomi yang sihat.

Fenomena orang yang berada, menyempurnakan keperluan orang yang tidak berkemampuan, saling menghormati dan berkasih sayang dikalangan anggota masyarakat tanpa mengira perbezaan darjat dan keturunan adalah manifestasi penghayatan ibadah zakat dan cerminan pengurusan dana zakat yang cekap lagi berkesan.

Dalam sebuah Hadith, Rasulullah SAW telah bersabda semasa mengutus Muaz bin Jabal:

فَاعْلَمَهُمْ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَفْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةَ فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ، وَتُرَدُّ إِلَى فُقَرَائِهِمْ

Maksudnya: "...Maka beritahulah oleh kamu kepada mereka bahawa Allah s.w.t telah mewajibkan dari sebahagian harta-harta mereka untuk disedekahkan (sebagai zakat), diambil dari orang kaya untuk diberikan kepada mereka yang fakir." (HR Bukhari dan Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA,

Menurut para Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, zakat terbahagi kepada dua bahagian iaitu zakat Badaniah (fitrah) dan zakat Maliah (harta).

Zakat Badaniah atau Fitrah ialah zakat diri yang difardhukan dengan kadar satu gantang Baghdad makanan asasi lagi mengenyangkan bagi penduduk sesebuah negeri bersamaan 2,700 gram mengikut timbangan metrik (bagi beras sebagai makanan asasi di Malaysia) ke atas orang-orang Islam laki-laki dan perempuan, hamba sahaya atau merdeka dengan syarat-syarat berikut:

1. Masih hidup di kala matahari terbenam di hari akhir bulan Ramadan atau meninggal dunia selepas terbenam matahari pada hari akhir bulan Ramadan;
2. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari;
3. Mempunyai sesuatu (makanan / harta / wang) yang lebih daripada keperluannya dan orang-orang yang disarainya untuk satu hari dan satu malam (raya); dan
4. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada hari akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.

Dalam sebuah Hadith riwayat Imam Muslim:

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرَ أَوْ أَنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Maksudnya: "Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadan ke atas manusia dengan mengeluarkan satu gantang Baghdad kurma atau sya'er (gandum) ke atas tiap orang merdeka atau hamba, laki-laki atau perempuan yang terdiri daripada orang Islam." (HR Muslim)

Dalam hubungan ini Allah SWT berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ۖ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ﴿١٥﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya berjayalah orang yang berusaha membersihkan dirinya (dengan menunaikan zakat fitrah). Dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyuk).*” (Surah Al-A’laa, ayat 14-15)

KAUM MUSLIMIN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Para ulama juga telah menggariskan batasan atau waktu mengeluarkan zakat fitrah seperti berikut:

- Waktu Wajib iaitu di kala terbenam matahari di hari akhir bulan Ramadan;
- Waktu Afdal iaitu selepas terbit fajar dan sebelum solat sunat Aidilfitri hari raya pertama (satu Syawal);
- Waktu Sunat iaitu sepanjang bulan Ramadan;
- Waktu Makruh iaitu selepas solat hari raya Aidilfitri sehingga terbenam matahari satu Syawal; dan
- Waktu Haram iaitu selepas terbenam matahari satu Syawal.

Dalam konteks ini Rasulullah SAW ada bersabda:

مَنْ آدَاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ آدَاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ.

Maksudnya: “*Sesiapa menunaikan zakat fitrah sebelum sembahyang Aidilfitri maka itulah zakat yang diterima dan sesiapa menunaikannya sesudah sembahyang, maka ia adalah sedekah daripada sedekah-sedekah biasa.*” (HR Abu Daud)

Adapun tujuan disebalik pensyariatan zakat fitrah telah dinyatakan dalam sebuah Hadith diriwayatkan oleh Abu Daud yang diberitakan oleh Ibn Abbas RA katanya:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طَهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطَعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ .

Maksudnya: “*Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk mensucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perbuatan lagha (keji) dan perkataan yang buruk (yang dilakukan ketika sedang berpuasa) dan untuk dijadikan makanan bagi orang-orang yang miskin.....*” (HR Abu Daud)

Dalam konteks ini, khatib menyeru kepada saudara muslimin sekalian, agar menunaikan ibadah zakat harta di Pusat Zakat Sabah (MUIS) dan membayar zakat fitrah kepada amil-amil bertauliah yang telah dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah yang diberikan kuasa oleh pemerintah untuk menguruskan Hal Ehwal Ibadah Zakat di negeri ini. Ini adalah bagi memastikan wang fitrah tersebut dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf yang berhak sepanjang bulan ramadhan.

Mana-mana individu yang cuba memungut zakat fitrah tanpa kebenaran adalah menjadi satu kesalahan di bawah enakmen zakat dan fitrah negeri Sabah tahun 1993 dan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan atau kedua-duanya sekali.

Oleh itu marilah kita bersama-sama memartabatkan institusi zakat di negeri ini dengan menunaikan zakat samada zakat harta atau zakat fitrah kepada Majlis Ugama Islam Sabah agar lebih ramai lagi asnaf yang mendapat manfaat daripada dana zakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ
فَأَصَّدَقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepada-Nya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.” (Surah Al-Munafiqun, ayat 10).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.